

Helo Kampus

helokampus

kampus@utusan.com.my

Wakaf buku ilmiah

KATA wakaf berasal daripada bahasa Arab, *waqf* yang bererti menghentikan atau menahan.

Ertinya, seseorang menghentikan hak milik sesuatu harta dan menahan diri daripada menggunakan dengan cara menyerahkan harta itu kepada pengelola untuk digunakan bagi kepentingan umum.

Barang yang diwakafkan ialah barang yang bermanfaat dan tidak cepat habis digunakan, baik harta yang tetap seperti tanah maupun harta tidak tetap, seperti buku.

Dengan niat bagi menjamin kelestarian hidup yang lebih bererti di dunia dan akhirat, Felo Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof.

Sr. Madya Dr. Syed Dawilah Al Edrus mewakafkan sebanyak 707 buah buku miliknya yang bernilai RM42,000 kepada Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM, di Parit Raja, Johor baru-baru ini.

Oleh MOHD. SAIFUL
MOHD. SAHAK

kampus@utusan.com.my



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Dr. Syed Dawilah telah menyerahkan buku-buku itu kepada Pegawai Wakaf UTHM, Prof. Dr. Wan Zahari Wan Yusoff.

Buku-buku itu merupakan koleksi intelek peribadi Dr Syed Dawilah selama 42 tahun yang dikumpulkan sejak dari tahun 1970 ketika menuntut di Maahad Muar, Johor, Universiti Malaya (1974-1978), Universiti Birmingham England (1983) dan Universiti Scotland (1990).

Ia juga melibatkan buku-buku koleksi beliau ketika berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Sains Malaysia (1983-2007), Universiti Brunei Darussalam (2007) dan terakhir di UTHM

(2007-2017).

Kini, beliau telah menamatkan perkhidmatannya sebagai pensyarah di UTHM pada 9 Disember 2017 lalu.

Antara buku istimewa yang diwakafkan beliau adalah buku yang berjudul *Kitab Al-Ma'Al-waragi Wal-ard Al-najmiya*; (*The Book of Silvery Water and Starry Earth*) yang berasal dari manuskrip berusia 677 tahun iaitu karya Ibn Umayl Abdullah Muhammad (300H/912 M) atau dikenali sebagai Ibn Umail Al-Tamimi.

Pengarang buku tersebut merupakan seorang pakar sains kimia Mesir, dan hanya selepas 428 tahun (pada 1340 M) baharu manuskrip ini disusun lengkap.

Karya ini menjadi rujukan utama dalam sains kimia di negara Barat pada zaman mediaval Eropah (abad 5 - 15 M). Karya ini telah diterjemahkan ke dalam banyak bahasa termasuklah Greek, Sepanyol, Itali, German, Perancis dan Rusia.



DR. SYED DAWILAH AL EDRUS (dua dari kiri) menyerahkan buku yang diwakafkannya kepada Dr. Wan Zahari Wan Yusoff (tiga dari kanan) di Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM di Parit Raja, Johor baru-baru ini.



DR. SYED DAWILAH AL EDRUS (kanan) melihat sebahagian daripada buku-buku koleksi peribadinya yang diwakafkan untuk kegunaan pelajar dan orang ramai di Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM Johor.

Ibn Umayl Al-Tamimi dan karyanya ini lahir sezaman dengan Al-Khawarizmi (780-850 M) yang juga merupakan pakar

matematik dan pengasas ilmu Algebra.

Karya-karya lain yang diwakafkan termasuklah buku

terbitan pada tahun 1912 yang ditulis oleh Clair Tisdall di India berjudul *A Word To the Wise Being A Brief Defence of the Sources of Islam*.

Buku ini ditulis sebagai sebagai jawapan kepada karya Imam Fakhruddin berjudul *Bayan Al-Haq Wal Sidq*, *Al-Mutlaq* dan karya Maulana Muhammad Ali berjudul *The Divine Origin of Holy Quran*.

Era buku ini ditulis semasa wacana dan perdebatan paradigma ilmu Islam dan Barat di India yang berlaku dengan hebatnya.

Usaha Dr. Syed Dawilah yang mewakafkan buku ini menjadi pembuka tirai jendela ilmu yang lebih signifikan dan efektif dalam usaha menyemarakkan tradisi keilmuan UTHM dan diharap ia dapat memberi manfaat khususnya kepada pelajar dan khalayak akademik keseluruhannya.